

Ruj: UKM KPD/262
Tarikh: 27 Mac 2017

Semua Pelajar Prasiswazah
Pusat Kembangan Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia.

Saudara/i,

PENDAFTARAN KURSUS SEMESTER 3 SESI AKADEMIK 2016-2017

Adalah dimaklumkan bahawa merujuk kepada kalendar akademik Pusat Kembangan Pendidikan (PKP), Semester 3 Sesi Akademik 2016-2017 akan diadakan mulai **3 Julai hingga 18 Ogos 2017**. Oleh yang demikian, sukacita sekiranya saudara/i, dapat memberikan perhatian dan tindakan sewajarnya bagi melancarkan proses pendaftaran kursus ini mengikut sepertimana yang disenaraikan di bawah:

- a. Pendaftaran kursus awal akan dijalankan mulai **10 hingga 16 April 2017 (seminggu)** secara online melalui laman web **<http://www.ukm.my/smpe>**. Pelajar adalah dinasihatkan supaya tidak mendedahkan nombor katalaluan masing-masing untuk mengelakkan timbul permasalahan kemudian hari;
- b. Kursus yang ditawarkan telah ditetapkan oleh fakulti masing-masing seperti di laman web <http://www.ukm.my/pkp>. Pendaftaran kursus boleh dibuat melalui komputer yang mempunyai capaian internet dan perisian Java. Sila klik pada menu pendaftaran awal untuk mendaftar kursus;
- c. Pelajar yang berada dalam kategori Lulus Bersyarat (ALB) pada Semester 1 Sesi Akademik 2016-2017 tidak dibenarkan mendaftar pada Semester 3 ini;
- d. Syarat-syarat pendaftaran Semester 3 adalah seperti berikut:
 - i. Pendaftaran untuk Semester 3 Sesi Akademik 2016-2017 adalah **DIWAJIBKAN** oleh pihak fakulti;
 - ii. Pelajar dibenarkan mengambil **TIDAK MELEBIHI DUA (2)** kursus sahaja, walau bagaimanapun ia tertakluk kepada fakulti;
 - iii. Pelajar hanya boleh membuat pengguguran kursus semasa minggu pendaftaran kursus sahaja **(10-16 Julai 2017)** ;

- iv. Penarikan diri daripada kursus boleh dilakukan sehingga minggu ke-5 perkuliahan iaitu dari **17 Julai hingga 6 Ogos 2017** dan akan diberikan gred TD;
- v. Gred-gred yang diperolehi bagi kursus Semester 3 akan diambilkira dalam Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) pada semester berikutnya (Semester 1 Sesi Akademik 2017-2018);
- vi. Tempoh pengajian Semester 3 tidak diambilkira bagi menentukan tempoh maksimum yang dibenarkan untuk keperluan ijazah;
- vii. Kursus yang kurang daripada sepuluh (10) orang pelajar akan dibatalkan dan pelajar diminta mendaftar kursus pada semester berikutnya.

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi En Mohd Firdaus Ibrahim di talian 03-8921 3546 atau emel kepada mfirdaus@ukm.edu.my.

Sekian, harap maklum.

Yang benar,



PROF. DR. NORHAMIDI MUHAMAD

Pengarah

- s.k. - Penyelaras Program, PKP
- Ketua Bahagian Pengurusan Akademik, PKP
- Ketua Bahagian Kewangan, PKP



PUSAT KEMBANGAN PENDIDIKAN

TARIKH-TARIKH PENTING BAGI PROGRAM PRASISWAZAH FAKULTI TEKNOLOGI DAN SAINS MAKLUMAT SEMESTER 3 SESI AKADEMIK 2016-2017

Perkara	Tarikh
Pendaftaran Kursus Awal	10 -16 April 2017 (1 minggu)
Gugur kursus sahaja	10 hingga 16 Julai 2017 (1 minggu)
Tarik Diri kursus (TD)	17 Julai hingga 6 Ogos 2017 (3 minggu)

Bagi tujuan pendaftaran / gugur / tarik diri kursus di atas, sila lakukan melalui SMPE di <http://www.ukm.my/smpe> kecuali bagi permohonan untuk menggantung pendaftaran. Permohonan selepas tarikh-tarikh yang disebutkan di atas **tidak akan dipertimbangkan**.